

MUHAMMAD HAFIZ AB RASHID lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA

HASHIM HAMZAH HMR

AZMAN ABDULLAH HMR

AZMI ARIFFIN HMR

[RAYUAN JENAYAH NO: B-09-168-07-2024]

24 SEPTEMBER 2025

Abstrak – (i) *Pertuduhan bawah s. 408 Kanun Keseksaan, iaitu pecah amanah jenayah, hanya boleh dibuktikan jika tertuduh masih lagi pekerja/ejen pihak yang didakwa diamanahkan harta, pada tarikh kesalahan itu dikatakan berlaku. Jika tertuduh sudah meletak jawatan sebelum tarikh tersebut bahkan tidak lagi menerima gaji, hubungan pekerja/ejen, iaitu asas yang membentuk amanah, tidak wujud; (ii) Jika wang yang diterima oleh tertuduh telah dibayar oleh pelanggan firma guaman baharu (yang diwakili oleh tertuduh) seperti yang tertera dalam kontrak dan resit rasmi yang ditandatangani oleh pelanggan, wang tersebut bukan harta atau kepunyaan firma guaman lama (pihak yang didakwa dipecah amanah).*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Pecah amanah – Peguam syariah dituduh secara curang mengambil wang pelanggan untuk kepentingan peribadi – Dakwaan pelanggan bahawa peguam syariah dilantik dengan kepercayaan dia masih bertindak bagi pihak firma guaman lama – Wakalah dan resit bayaran yang diterima oleh pelanggan tertera nama firma guaman baharu – Sama ada peguam syariah bertindak sebagai ejen firma guaman lama – Sama ada telah meletak jawatan di firma guaman lama semasa memeterai wakalah pelantikan peguam syariah – Sama ada wang yang dibayar milik firma guaman baharu – Sama ada penerimaan wang oleh firma guaman baharu, melalui peguam syariah, sah – Sama ada elemen-elemen pecah amanah berjaya dibuktikan – Kanun Keseksaan, s. 408*

Perayu, seorang peguam syariah, dituduh di Mahkamah Sesyen kerana melakukan pecah amanah iaitu secara curang mengambil wang pelanggan ('SP7') berjumlah RM7,000 demi kepentingan peribadi, satu kesalahan bawah s. 408 Kanun Keseksaan ('KK'). Teras kes pendakwaan tertumpu pada keterangan SP7 yang menyatakan: (i) dia membuat bayaran RM7,000 pada perayu untuk satu kes di Mahkamah Syariah, pada 16 Mac 2012, dengan kepercayaan bahawa perayu masih bertindak bagi pihak firma guaman Tetuan Akberdin & Co ('TAC'); (ii) SP7 kemudian menyedari bahawa wakalah yang ditandatangani dan resit bayaran yang diterima olehnya tertera nama firma berbeza, iaitu Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates ('TIHA'); dan (iii) perayu tidak memaklumkan pada SP7 bahawa perayu akan keluar dari TAC untuk menyertai TIHA. Seterusnya, menurut (i) seorang peguam di TAC, perayu mengakui ada menerima wang

- A tersebut; dan (ii) kerani akaun di TAC ('SP2'), walaupun perayu diarahkan untuk menyerahkan wang RM7,000, jumlah ini masih belum diterima. Berpuas hati pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie*, Hakim Mahkamah Sesyen memanggil perayu membela diri. Dalam pembelaannya, perayu (i) menafikan dia bertindak sebagai ejen TAC. Dia
- B menghantar surat peletakan jawatan pada 27 Februari 2012 dan menganggap dirinya sudah berhenti kerja secara *de facto* dan kehadirannya dalam bulan Mac 2012 adalah semata-mata untuk menyelesaikan kerja-kerja tertunggak sahaja; (ii) menyatakan SP7 memilih untuk melantik perayu melalui firma baharunya, TIHA, kerana tawaran yuran guaman yang lebih rendah.
- C Dakwaan ini disokong oleh dokumen wakalah yang diikrarkan di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah ('SD2') pada 16 Mac 2012 dan dua resit rasmi yang dikeluarkan oleh TIHA. Oleh itu, RM7,000 tersebut milik TIHA, menjadikan penerimaannya sah dan bukan pecah amanah terhadap TAC; dan (iii) sepanjang perayu mewakili SP7, SP7 tidak pernah menyatakan hasratnya untuk melantik TAC sebagai peguamnya bahkan SP7
- D juga telah meneruskan pelantikan TIHA untuk dua lagi kes syariah. Di akhir kes pembelaan, Mahkamah Sesyen mensabitkan perayu atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara dua tahun, dua kali sebatan dan denda RM5,000, jika gagal bayar enam bulan penjara. Rayuan perayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukumannya ditolak. Maka timbul
- E rayuan ini. Isu-isu yang timbul adalah: (i) sama ada perayu seorang peguam syariah/pekerja yang beramal di TAC semasa tarikh kejadian, iaitu 16 Mac 2012; (ii) sama ada perayu diamanahkan menerima RM7,000 bagi pihak TAC pada 16 Mac 2012; dan (iii) sama ada perayu telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap jumlah RM7,000 tersebut.
- F **Diputuskan (membenarkan rayuan)**
Oleh Azmi Ariffin HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:
- (1a) Peletakan jawatan perayu pada Februari 2012 selaras dengan keterangan SP2 bahawa gaji terakhir yang dibayar pada perayu adalah
- G pada Februari 2012. Ini disokong oleh keterangan-keterangan dokumentar. Tiada bukti gaji dibayar pada perayu pada Mac 2012. Tiada juga keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak pendakwa seperti baucar bayaran gaji perayu atau penyata akaun TAC untuk bulan Mac 2012 yang menunjukkan perayu masih dibayar gaji bulan Mac 2012. (perenggan 97)
- H (1b) Nama firma TIHA jelas tercatat pada wakalah yang ditandatangani oleh SP7 pada 16 Mac 2012. SD2 menyatakan wakalah tersebut ditandatangani di hadapannya oleh SP7 dan perayu dan SP7 juga melafazkan pelantikan wakalah ini, melantik perayu mewakilinya di
- I Mahkamah Syariah. Pada hari yang sama, TIHA, melalui perayu: (i) mengeluarkan dua resit rasmi untuk bayaran RM7,000 yang dibuat oleh SP7 pada perayu. SP7 menurunkan tanda tangannya pada kedua-

- dua resit tersebut sebagai tanda pengesahan penerimaan; dan (ii) mendaftarkan kes permohonan injunksi dan surat cara-surat cara berkaitan. Sekali lagi, SP7 menurunkan tanda tangannya meskipun pada kedua-dua resit tersebut tertera dengan jelas dan terang nama TIHA. Oleh itu, SP7 sememangnya sedar tentang pelantikan ini. Tiada kesamaran, kekaburan, kekeliruan atau ketidakfahaman di pihak SP7 tentang persetujuannya melantik TIHA untuk mewakili dirinya. Wakalah yang ditandatangani oleh SP7, perayu dan SD2 adalah satu kontrak yang termeterai antara SP7 dan perayu dan mengikat kesemua pihak yang menandatangani. (perenggan 99-103) A
- (2) Tiada fail kes SP7 dalam buku pendaftaran kes TAC dan tiada bukti persetujuan tentang fi guaman antara TAC dan SP7. Ini menidakkan elemen bayaran RM7,000 adalah atas dasar amanah daripada TAC pada perayu. Oleh kerana tiada apa-apa kontrak bertulis atau tersirat antara SP7 dengan TAC dan, ditambah lagi dengan kewujudan surat permohonan peletakan jawatan perayu bertarikh 27 Februari 2012, tarikh akhir perayu beramal sebagai peguam syariah di TAC ialah pada 13 Mac 2012, iaitu sebelum kesalahan pecah amanah jenayah dikatakan berlaku. Pada 16 Mac 2012, perayu bukan lagi pekerja TAC. Susulan itu, RM7,000 yang dibayar oleh SP7 pada perayu bukan harta atau kepunyaan TAC. (perenggan 117-119) B C D E
- (3) Oleh kerana elemen 'entrustment' atau 'dominion over the property' bawah s. 408 KK gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan, kesalahan pecah amanah yang dikatakan dilakukan oleh perayu dengan sendirinya runtuh dan terkubur di peringkat pendakwaan. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Sesyen, yang kemudian disahkan oleh Mahkamah Tinggi, diketepikan. Perayu dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan. (perenggan 126, 130 & 131) F

English Headnotes

The appellant, a syariah lawyer, was charged at the Sessions Court with criminal breach of trust for dishonestly misappropriating RM7,000 belonging to a client ('SP7') for his personal gain, an offence under s. 408 of the Penal Code ('PC'). The core of the prosecution's case rested on the testimony of SP7, who stated that: (i) she paid the said RM7,000 to the appellant on 16 March 2012 for a Syariah Court matter, premised on the belief that the appellant was still acting on behalf of the law firm Messrs Akberdin & Co ('TAC'); (ii) SP7 later realised that the letter of retainer ('wakalah') signed by her and the payment receipt she received bore the name of a different firm, *ie*, Messrs Irsamuddin Hafiz & Associates ('TIHA'); and (iii) the appellant did not inform SP7 that he would be leaving TAC to join TIHA. Furthermore, according to (i) a lawyer at TAC, the appellant admitted to receiving the money; and (ii) an accounts clerk at TAC ('SP2'), G H I

A despite the appellant being instructed to surrender the said RM7,000, the
sum had not been received by the firm. Satisfied that the prosecution had
established a *prima facie* case, the Sessions Court Judge called upon the
appellant to enter his defence. In his defence, the appellant (i) denied acting
B as an agent of TAC, contending that he submitted his resignation letter on
27 February 2012 and considered himself to have *de facto* ceased
employment, with his presence at TAC in March 2012 being solely to
finalise his outstanding work; (ii) asserted that SP7 chose to retain him
through his new firm, TIHA, due to a lower offer of legal fees. This assertion
C was supported by the wakalah document affirmed before the Registrar of the
Syariah High Court ('SD2') on 16 March 2012 and the issuance of two
official receipts by TIHA. Therefore, the sum of RM7,000 belonged to
TIHA, rendering the receipt lawful and not a criminal breach of trust against
TAC; and (iii) maintained that throughout the period in which he represented
D SP7, the latter never expressed an intention to retain TAC, and SP7 even
continued with TIHA's appointment for two other Syariah cases. At the
conclusion of the defence case, the Sessions Court convicted the appellant as
per the charge and sentenced him to two years' imprisonment, two strokes
of rotan and a fine of RM5,000, in default, six months' imprisonment. The
appellant's appeal to the High Court, against his conviction and sentence, was
E unsuccessful. Hence, the present appeal. The issues that arose for
adjudication were: (i) whether the appellant was a practising syariah lawyer/
employee at TAC on the date of the incident, *ie*, 16 March 2012; (ii) whether
the appellant was entrusted to receive the sum of RM7,000 on behalf of TAC
on 16 March 2012; and (iii) whether the appellant had committed criminal
breach of trust in respect of the said RM7,000.

F **Held (allowing appeal)**

Per Azmi Ariffin JCA delivering the judgment of the court:

- (1a) The appellant's resignation in February 2012 was consistent with
G SP2's testimony that the last salary paid to the appellant was in
February 2012. This was supported by documentary evidence. There
was no evidence that salary was paid to the appellant in March 2012.
Furthermore, the prosecution failed to tender any documentary
evidence, such as the appellant's salary payment vouchers or TAC's
account statements for March 2012, to demonstrate that the appellant
was still being paid a salary in March 2012.
- H (1b) The name of the firm TIHA was clearly stated on the wakalah signed
by SP7 on 16 March 2012. SD2 testified that the wakalah was signed
in his presence by both SP7 and the appellant, and SP7 further
I affirmed the appointment, retaining the appellant to represent her at
the Syariah Court. On the same day, TIHA, *via* the appellant: (i) issued
two official receipts for the payment of RM7,000 made by SP7 to the
appellant. SP7 affixed her signature on both receipts as her

acknowledgment of receipt; and (ii) registered the application for an injunction and the necessary case instruments. Again, SP7 affixed her signature, despite both documents clearly and explicitly bearing the name of TIHA. Therefore, SP7 was fully aware of the appointment. There was no ambiguity, vagueness, confusion or misunderstanding on the part of SP7 regarding her consent to retain TIHA to represent her. The wakalah signed by SP7, the appellant and SD2 was a concluded contract between SP7 and the appellant, binding on all the signing parties.

- (2) There was no file for SP7's case in TAC's case registration book and there was also no evidence of an agreement on legal fees between TAC and SP7. This negated the element that the payment of RM7,000 was on the basis of entrustment from TAC to the appellant. As there was no written or implied contract between SP7 and TAC, coupled with the appellant's resignation letter dated 27 February 2012, the appellant's last date of practice as a Syariah lawyer at TAC was 13 March 2012, which was before the alleged criminal breach of trust took place. On 16 March 2012, the appellant was no longer an employee of TAC. Consequently, the RM7,000 paid by SP7 to the appellant was not the property or possession of TAC.
- (3) Since the element of 'entrustment' or 'dominion over the property' under s. 408 of the PC was not established by the prosecution, the alleged offence of criminal breach of trust by the appellant automatically collapsed and failed at the prosecution stage. The conviction and sentence handed down by the Sessions Court, which were subsequently affirmed by the High Court, were set aside. The appellant was acquitted and discharged from the charge.

Kes-kes yang dirujuk:

- Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800 FC (*dirujuk*)
Ah Mee v. PP [1967] CLJU 3; [1967] 1 LNS 3 FC (*dirujuk*)
Herchun Singh & Ors v. PP [1969] CLJU 52; [1969] 1 LNS 52 FC (*dirujuk*)
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA (*dirujuk*)
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC (*dirujuk*)
Rex v. Salim Ja'amat [1938] CLJU 91; [1938] 1 LNS 91 HC (*dirujuk*)
Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC (*dirujuk*)

Perundangan yang dirujuk:

- Evidence Act 1950, ss. 91, 92
 Penal Code, ss. 405, 408, 409B
 Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003, s. 34(1)

Bagi pihak perayu - Haniff Khatri & Nurul Huda Razali; T/n Haniff Khatri
Bagi pihak responden - Zander Lim Wai Keong; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Muhammad Hafiz Ab Rashid lwn. PP [2024] CLJU 2227 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

A **PENGHAKIMAN****Azmi Ariffin HMR:****Mukadimah****B** [1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor Darul Ehsan bagi pertuduhan seperti yang berikut:

Bahawa kamu pada 16 Mac 2012 jam lebih kurang 1130hrs, bertempat di Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam, Selangor di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor, kamu sebagai peguam syariah yang dilantik oleh Firma Tetuan Akberdin & Co yang beralamat di No AAG6, Blok D, Tingkat Bawah, Jalan Plumbum AA7/AA, Pusat Komersil Seksyen 7, Shah Alam telah melakukan kesalahan pecah amanah dengan curangnya mengambil wang pelanggan firma bernama Siti Robaan binti Shafii No KPT 891208-03-6126 sebanyak RM7,000.00 untuk kepentingan peribadi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 408 Kanun Keseksaan dan jika disabit kesalahan kamu boleh dihukum dengan seksaan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari empat belas tahun dan dengan sebat dan juga boleh dikenakan denda.

C [2] Perayu tidak mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan memohon untuk dibicarakan. Seramai sepuluh orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan mereka.**D** [3] Pada akhir kes pendakwaan, 25 November 2022, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri terhadap pertuduhan tersebut.**E** [4] Perayu (SD1) memilih untuk memberi keterangannya secara bersumpah dari kandang saksi. Seorang saksi juga turut dipanggil oleh pihak pembelaan untuk memberi keterangannya iaitu Rosdi bin Hanapi/Pegawai Syariah (SD2).**F** [5] Pada akhir kes pembelaan, 27 September 2023, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana mendapati perayu bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan tersebut.**G** [6] Perayu telah dikenakan hukuman pemenjaraan selama dua tahun dari tarikh jatuh hukum dan dua kali sebatan serta denda RM5,000 jika gagal bayar enam bulan pemenjaraan.**H** [7] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 27 September 2023, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor Darul Ehsan terhadap sabitan dan hukuman tersebut.**I** [8] Pada 28 Jun 2024, Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana telah menolak rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman dan mengekalkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen.

[9] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, pada 28 Jun 2024, perayu telah memfailkan satu notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi. A

Keterangan Kes Pendakwaan

[10] Siti Robaan binti Shafii (SP7) telah menelefon Faradinah binti Abu Bakar (SP4) peguam di firma Tetuan Akberdin & Co untuk mendapatkan khidmat peguam syarie bagi kesnya di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor terhadap bekas suaminya. B

[11] Pada 18 Februari 2012, lebih kurang pukul 2 petang, SP7 bersama keluarganya telah pergi ke pejabat Akberdin & Co untuk berjumpa dengan perayu bagi tujuan perbincangan kes syariahnya itu. Perayu ada meminta kepada SP7 beberapa dokumen untuk diserahkan kepadanya. C

[12] Pada 16 Mac 2012 lebih kurang pukul 11 pagi, SP7 berjumpa perayu di Mahkamah Syariah di Shah Alam untuk proses injunksi faraq nikah (eksh. P5 (A-I)). Di lobi Mahkamah Syariah tersebut, SP7 telah membuat pembayaran sebanyak RM7,000 iaitu RM2,000 sebagai deposit dan RM5,000 kepada perayu sebagai yuran perkhidmatan peguam. Perayu telah meminta kepada SP7 supaya bayaran dibuat di perkarangan Mahkamah Syariah. Sebelum pembayaran RM7,000 itu dibuat, SP7 ada bertanya kepada perayu berkenaan dengan keseluruhan kos pembayaran dan perayu menjawab kesemuanya berjumlah RM15,000. D E

[13] Setelah pembayaran dibuat, pada tarikh yang sama juga (16 Mac 2012) SP7 telah menandatangani dokumen wakalah bertarikh 16 Mac 2012 (eksh. P5(F)) di Mahkamah Syariah Shah Alam. SP7 mengaku membaca wakalah tersebut sebelum menurunkan tandatangannya. SP7 menandatangani wakalah tersebut kerana percaya perayu adalah peguam syarie yang dilantik untuknya bagi pihak Tetuan Akberdin & Co. F

[14] Semasa membaca wakalah tersebut, SP7 hanya menumpukan perhatian pada catatan yang terdapat namanya sahaja dan SP7 tidak menyedari terdapatnya perkataan yang bertulis “daripada Tetuan Irsamuddin” kerana SP7 yakin bahawa perayu adalah daripada firma Tetuan Akberdin & Co. G

[15] Mengikut SP7, meskipun dia menyedari bahawa wakalah tersebut adalah daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates, namun dia masih menandatangani di atas alasan pembayaran wang sudah pun dibuat oleh SP7 kepada perayu. SP7 juga mengakui tidak ada meminta perayu untuk membuat wakalah baharu kerana mengikut SP7, dia tidak mempunyai pengetahuan tentang hal itu. H I

- A [16] Selepas SP7 membuat pembayaran dan wakalah ditandatangani, SP7 telah meminta perayu untuk menyediakan resit pembayaran sebagai bukti bahawa pembayaran telah dibuat. Namun begitu, perayu tidak dapat beri resit pada waktu tersebut. Perayu memberitahu SP7 bahawa resit pembayaran akan diemel kepadanya. SP7 berasa hairan mengapa resit tersebut harus dihantar secara emel kepadanya. Lantas SP7 menelefon SP4
- B bertanya tentang pembayaran yang dibuatnya itu, namun SP4 menjawab bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang pembayaran tersebut.
- [17] Pada jam lebih kurang 3 petang (tarikh yang sama), perayu telah menyerahkan resit pembayaran (eksh. P4(A) dan P4(B)) kepada SP7 namun
- C pada resit tersebut tertera nama Tetuan Irsamuddin bukannya Akberdin.
- [18] SP7 mengesahkan bahawa semasa perjumpaannya dengan perayu di lobi Mahkamah Syariah Shah Alam, perayu tidak ada memaklumkan kepadanya bahawa firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates boleh mengambil alih kes SP7 ini. Perayu juga tidak ada memaklumkan kepada
- D SP7 yang perayu akan keluar dari firma Tetuan Akberdin untuk menyertai firma Tetuan Irsamuddin. Perayu tidak ada menyebut apa-apa pun tentang firma Tetuan Irsamuddin kepada SP7.
- [19] Selepas menerima dan melihat resit-resit tersebut, SP7 terus bertanya kepada perayu; “kenapa bukan Akberdin?”. Perayu menjawab “saya hanya part time di tempat Akberdin”.
- E
- [20] Tidak berpuas hati dengan jawapan tersebut dan setelah merasakan dirinya ditipu oleh perayu, SP7 terus menelefon SP4 dan menceritakan tentang kejadian yang telah berlaku.
- F [21] Bertindak terhadap pengaduan yang dibuat oleh SP7 tersebut, pada 16 Mac 2012, SP4 telah menghubungi Dato’ Akberdin bin Abdul Kader (SP1) yang ketika itu baru sahaja hendak berangkat ke luar negara dan SP4 telah memaklumkan kepada SP1 tentang apa yang telah diceritakan oleh SP7 kepadanya.
- G [22] SP1 telah mengarahkan SP4 untuk berjumpa dengan perayu dan bertanya tentang hal tersebut. Kemudian pada tarikh yang sama juga, SP4 telah berjumpa dengan perayu di bilik SP1.
- [23] SP4 bertanya kepada perayu tentang pengaduan yang telah dibuat oleh SP7. Perayu mengaku ada menerima wang sebanyak RM7,000 daripada
- H SP7. Perayu mengaku menandatangani wakalah di atas nama Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates.
- [24] Perayu memaklumkan kepada SP4 bahawa kes permohonan SP7 adalah untuk memfarakkan perkahwinannya. Perayu sebagai peguam syarie juga memberitahu SP4 bahawa dia sedang menyediakan surat cara berhubung kes SP7.
- I

[25] Selanjutnya, SP4 telah mengarahkan perayu untuk menyerahkan kembali wang yang diterimanya itu kepada Puan Norsalinda binti Hasan (SP2) yang bertugas sebagai kerani akaun di Tetuan Akberdin & Co. A

[26] SP4 turut memarahi perayu kerana menandatangani wakalah di atas nama firma lain sedangkan perayu tahu bahawa SP4 yang telah membawa SP7 masuk ke firma sebagai klien. SP4 juga memaklumkan kepada perayu bahawa beliau perlu menunggu kepulangan SP1 dari luar negara untuk menentukan tindakan selanjutnya yang akan diambil. B

[27] SP4 kemudiannya ada bertanya kepada SP2 sama ada perayu ada menyerahkan wang berjumlah RM7,000 kepadanya. Namun, SP2 mengesahkan bahawa beliau tidak ada menerima wang tersebut dan tiada resit juga dikeluarkan kerana tiada wang yang diterimanya daripada perayu. C

[28] Selepas kejadian itu, perayu datang ke pejabat seperti biasa sehinggalah tarikh 26 Mac 2012, apabila perayu hadir ke pejabat dan menyerahkan surat peletakan jawatannya bertarikh 26 Mac 2012 (eksh. P3) yang diletakkannya di atas meja SP1. Seingat SP4, selepas perayu menyerahkan surat tersebut, perayu terus keluar dari pejabat. D

[29] SP4 turut mengesahkan bahawa dari tempoh 16 Mac 2012 hingga 26 Mac 2012 (lebih kurang sepuluh hari) perayu masih masuk bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co. E

[30] SP8 (Puan Noor Huda binti Roslan) yang merupakan Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Selangor menjelaskan bahawa wakalah peguam syarie adalah satu proses yang menunjukkan bahawa klien bersetuju untuk melantik peguam tersebut bagi mewakili mereka dalam kes yang difailkan di Mahkamah Syariah. SP8 mengesahkan bahawa wakalah eksh. P5 ini bukan dibaca di hadapannya kerana sewaktu wakalah ini ditandatangani, SP8 sedang cuti belajar. F

[31] SP8 bersetuju bahawa adalah menjadi amalan untuk pendaftar Mahkamah Syariah menerangkan tentang wakalah dan maksud wakalah apabila ia dibacakan di hadapan seseorang pendaftar. Kemudian, peguam yang dilantik dan klien akan menandatangani wakalah tersebut. Wakalah ini akan dibaca secara kuat di hadapan pendaftar. Mengikut SP8, berdasarkan rekod, pendaftar yang menyaksikan proses tandatangan wakalah eksh. P5(F) ini ialah Encik Rosdi bin Hanapi (SD2) yang bertugas di bawah SP8 dan beliau telah diberikan kuasa untuk bertindak sebagai pendaftar. G H

Ringkasan Keterangan Perayu/SD1

[32] Perayu bekerja di Tetuan Akberdin & Co sejak akhir 2009 sehingga Februari 2012.

[33] SP7 bukanlah klien firma Tetuan Akberdin & Co tetapi SP7 ialah klien kepada perayu daripada firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates. I

- A [34] Berdasarkan wakalah perlantikan peguam (eksh. P5(F)) yang dibacakan oleh SP7 di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, pada 16 Mac 2012, SP7 telah melantik perayu daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates sebagai peguam syarienya.
- B [35] Ketika perayu kali pertama berjumpa dengan SP7 iaitu lebih kurang satu minggu sebelum SP7 melantik perayu pada 16 Mac 2012, perayu sudah tidak lagi bekerja dengan Tetuan Akberdin & Co. Ini kerana perayu telah menghantar surat permohonan kebenaran peletakan jawatan sebagai Peguam Syarie bertarikh 27 Februari 2012 (eksh. D8) kepada SP1 secara serahan tangan. Kandungan surat tersebut berbunyi seperti berikut:
- C Per: Surat Permohonan Kebenaran Perletakan Jawatan Sebagai Peguam Syarie
1. Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.
 2. Untuk makluman pihak tuan, saya dengan rendah diri dan berat hati memohon untuk meletakkan jawatan sebagai Peguam Syarie di firma ini. Tujuan saya meletakkan jawatan kerana saya berhasrat untuk menubuhkan firma baharu. Walau apa pun, saya akan hadir di pejabat tuan bagi menghabiskan kerja-kerja dan/atau tugas-tugas saya.
 3. Saya amat berterima kasih di atas segala tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak tuan sepanjang saya berkerja di sini.
 4. Saya memohon kerjasama pihak tuan untuk memberikan maklum balas kepada saya dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Sekiranya tiada maklum balas daripada pihak tuan, saya beranggapan permohonan peletakan jawatan ini dipersetujui oleh pihak tuan. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan adalah dihargai dan saya ucapkan jutaan terima kasih.
- D
- E
- F
- G [36] Berdasarkan kandungan surat peletakan jawatan tersebut, selain memohon kebenaran untuk meletak jawatan, perayu juga telah meminta Tetuan Akberdin & Co untuk memberi maklum balas dalam masa 14 hari dan sekiranya tiada maklum balas yang diterimanya selepas 14 hari tersebut, perayu dianggap dan disifatkan sebagai telah berhenti kerja. Namun begitu, tiada maklum balas yang diterima oleh perayu daripada Tetuan Akberdin & Co selepas tamatnya tempoh tersebut.
- H [37] SP7 tidak pernah melantik Tetuan Akberdin & Co sebagai peguamnya dan Tetuan Akberdin juga tidak pernah membuka sebarang fail bagi kes SP7 dan tak pernah membuat apa-apa kerja yang melibatkan kes SP7.
- I [38] Disebabkan perayu telah menghantar surat peletakan jawatan pada 27 Februari 2012, di dalam perjumpaannya dengan SP7, perayu ada meminta dan menasihati SP7 untuk membuat pilihan sama ada untuk melantik perayu daripada firma lain ataupun untuk melantik Tetuan Akberdin & Co sebagai peguamnya.

- [39] Sebelum SP7 membuat pilihan, SP7 ada bertanya kepada perayu mengenai anggaran yuran guaman yang akan dikenakan oleh Tetuan Akberdin & Co dan juga yuran guaman yang akan dikenakan oleh perayu dari firma barunya. A
- [40] Perayu memberitahu SP7 disebabkan En Akberdin adalah peguam senior, kebiasaannya yuran guaman yang ditetapkan adalah mahal. Perayu juga memberitahu SP7 bahawa yuran guaman yang dikenakan oleh perayu bagi firma baharunya adalah sebanyak RM15,000 sahaja. B
- [41] Selepas mendengar penjelasan tersebut, SP7 telah menyatakan keinginannya untuk melantik perayu sebagai peguamnya kerana SP7 ialah orang kampung yang datang daripada Kuantan, Pahang dan berasal daripada keluarga yang sederhana sahaja. C
- [42] Perayu kemudiannya telah menetapkan tarikh 16 Mac 2012 untuk SP7 mengikrarkan pelantikan perayu sebagai peguam SP7 di hadapan Pendaftar Mahkamah Syariah Shah Alam. D
- [43] Pada 16 Mac 2012, SP7 telah membaca dua wakalah melantik perayu dari Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates sebagai peguam syariyenya bagi dua kes berikut; iaitu yang pertama adalah wakalah bagi kes permohonan injunksi faraq nikah di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor dan kes yang kedua melibatkan permohonan pendaftaran nikah di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor. E
- [44] Mengikut perayu, wakalah perlu dibaca di hadapan pendaftar bagi pelantikan seseorang peguam berdasarkan undang-undang syariah s. 34 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003. F
- [45] Setelah SP7 membaca wakalah tersebut, pada hari yang sama juga, bertempat di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, SP7 telah membayar kepada perayu sebanyak RM7,000 iaitu RM2,000 sebagai wang pendahuluan kes permohonan faraq nikah manakala RM5,000 sebagai bayaran permohonan injunksi faraq nikah. G
- [46] Wang berjumlah RM7,000 tersebut tidak diserahkan daripada perayu kepada Tetuan Akberdin & Co kerana SP7 telah melantik perayu sebagai peguam melalui wakalah bertarikh 16 Mac 2012 (eksh. P5(F)). Wang tersebut adalah milik perayu daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates. H
- [47] Pada hari yang sama (16 Mac 2012) lebih kurang pukul 3 petang, perayu telah menyerahkan dua resit rasmi daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates bagi pembayaran berjumlah RM7,000 iaitu resit RM2,000 untuk kes pendaftaran nikah (eksh. P4(B)) dan RM5,000 (eksh. P4(A)) untuk kes permohonan injunksi faraq nikah kepada SP7 secara serahan tangan. I

- A [48] Semasa resit diserahkan, SP7 telah menurunkan tandatangannya pada kedua-dua resit tersebut sebagai tanda pengesahan penerimaan resit yang diterimanya daripada perayu.
- [49] Selepas SP7 melantik perayu bagi kes ini, SP7 ada melantik perayu dari firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates untuk kesnya di B Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor melalui satu pelantikan peguam iaitu wakalah peguam syarie bertarikh 16 Mac 2012 (eksh. D10).
- [50] SP7 turut juga melantik perayu dari firma Tetuan Hafiz & Co bagi kesnya di Mahkamah Rendah Syariah Kuantan melalui satu pelantikan C peguam iaitu wakalah peguam syarie bertarikh 12 Oktober 2012 (eksh. D6).
- [51] Keseluruhannya, SP7 telah melantik perayu untuk mewakilinya bagi tiga kesnya di Mahkamah Syariah yang berlainan iaitu di Shah Alam, Kuala Selangor dan Kuantan.
- D [52] Sepanjang perayu mewakili SP7, SP7 tidak pernah menyatakan hasratnya untuk melantik Tetuan Akberdin & Co sebagai peguamnya. Malah mengikut rekod, kesemua surat cara-surat cara yang difailkan di Mahkamah bagi kes SP7 adalah dibuat oleh Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates dan kemudiannya difailkan pula oleh Tetuan Hafiz & Co. Tidak pernah ada surat cara yang difailkan oleh Tetuan Akberdin & Co di Mahkamah Syariah.
- E [53] SP7 juga tidak pernah membuat apa-apa laporan polis terhadap perayu.
- [54] SP7 tidak pernah menyatakan hasratnya kepada perayu untuk menukar peguam. Malah SP7 telah hadir bersama-sama perayu pada 27 Mac F 2012 semasa perbicaraan permohonan injunksi faraq nikah di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Selepas itu, SP7 melantik pula perayu bagi kesnya di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor pada 25 Jun 2012 dan kesnya di Mahkamah Syariah Rendah Kuantan pada 12 Oktober 2012.
- G [55] Kes SP7 di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor adalah berkaitan permohonan interlokutori faraq nikah di mana SP7 bertindak sebagai pemohon dan wakalah melantik perayu sebagai peguamnya telah ditandatangani oleh SP7 pada 25 Jun 2012 (eksh. P5(H)).
- [56] Selanjutnya mengenai surat peletakan jawatan perayu bertarikh H 26 Mac 2012 (eksh. P3) yang diletakkannya di atas meja SP1, perayu menafikan masih bekerja dengan Tetuan Akberdin & Co.
- [57] SP4 dan SP2 mengakui bahawa pada bulan Mac 2012, perayu telah I tidak lagi dibayar gaji dan perayu tidak lagi dicarumkan KWSP pada Mac 2012. Perayu tidak lagi bekerja di Tetuan Akberdin & Co sehingga 26 Mac 2012 kerana perayu telah menghantar surat peletakan jawatan pada 27 Februari 2012.

- [58] SP4 tidak pernah menghubungi perayu mengenai aduan yang dikatakan dibuat oleh SP7 yang mengatakan bahawa perayu telah menggunakan resit di atas nama Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates dan bukannya Tetuan Akberdin & Co. A
- [59] Berbekalkan laporan polis (eksh. P2) yang dibuat oleh SP1 terhadap perayu di atas kesalahan pecah amanah, SP1 telah membuat aduan terhadap perayu kepada Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor. B
- [60] Pada 9 Februari 2020, perayu telah didapati bersalah oleh Jawatankuasa Peguam Syarie (JKPS) di atas aduan yang dibuat oleh SP1 dan melalui surat bertarikh yang sama, Jawatankuasa berkenaan telah menggantung sijil amalan perayu selama satu tahun bermula dari 12 Februari 2020 sehingga 11 Februari 2021. C
- [61] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bagi membatalkan sabitan tersebut dan serta perintah penggantungan terhadap perayu selama satu tahun. D
- [62] Pada 15 Disember 2021, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah membenarkan permohonan semakan perayu dan memerintahkan agar sabitan dan perintah pergantungan lesen terhadap perayu selama satu tahun itu (eksh. D9) dibatalkan. E
- [63] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pihak responden telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah Selangor. Pada tahun 2022, Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menolak rayuan responden dan mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang membatalkan sabitan terhadap perayu dan membatalkan perintah penggantungan lesen perayu selama satu tahun (eksh. D12). F
- [64] Berkenaan gaji perayu pula, tarikh terakhir perayu menerima gaji daripada Tetuan Akberdin & Co adalah pada 28 Februari 2012 iaitu sebanyak RM3,012. G
- [65] Mulai bulan Mac 2012, perayu tidak lagi menerima gajinya. Ini adalah kerana mengikut surat peletakan jawatan perayu bertarikh 27 Februari 2012 (eksh. D8), tarikh perayu mula berhenti bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co adalah pada bulan Februari 2012. Pada Mac 2012, perayu bukan lagi kakitangan atau peguam kepada Tetuan Akberdin & Co. H
- [66] Perayu tidak mempunyai pengetahuan mengapa KWSP masih dicarum pada bulan April 2012 sedangkan kali terakhir perayu menerima gaji adalah pada bulan Februari 2012. Ini telah diakui sendiri oleh SP2 iaitu kerani akaun di Tetuan Akberdin & Co. Perayu tidak mempunyai kuasa dan kawalan terhadap caruman yang dibuat oleh Tetuan Akberdin & Co. I

A [67] Keterangan dokumentar menunjukkan SP7 telah melantik perayu daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates sebagai peguam syarie bagi mewakilinya dan SP1 gagal mengemukakan sebarang bukti bagi menunjukkan SP7 adalah klien kepada Tetuan Akberdin & Co.

B [68] Sebelum 16 Mac 2012, SP7 hadir di firma Tetuan Akberdin & Co hanya untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bukannya bertujuan untuk melantik Tetuan Akberdin & Co sebagai peguam syariannya.

C [69] Lanjutan daripada itu, pada 16 Mac 2012, SP7 yang berada bersama-sama perayu di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah membaca wakalah pelantikan peguam atas nama perayu daripada Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates. Bacaan tersebut telah diikrarkan oleh SP7 di hadapan pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Pada hari yang sama juga, perayu telah mendaftarkan kes permohonan injunksi faraq nikah dan surat cara-surat cara kes tersebut telah difailkan oleh Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates.

D [70] Surat peletakan jawatan perayu bertarikh 26 Mac 2012 (eksh. P3) yang diletakkannya di atas meja SP1 juga merujuk kepada surat kebenaran peletakan jawatan bertarikh 27 Disember 2012 (eksh. D8) di mana di dalam eksh. D8, perayu ada menyatakan kesediaannya untuk hadir ke firma Tetuan Akberdin & Co bagi menghabiskan kerja-kerja dibawah seliaannya selepas perayu berhenti pada bulan Februari 2012. Justeru itu, kehadiran perayu pada bulan Mac 2012 hanyalah sekadar untuk menghabiskan tugasannya sahaja.

Ringkasan Keterangan Rosdi Bin Hanapi (SD2)

F [71] Pada tahun 2012, SD2 bertugas di Mahkamah Syariah Negeri Selangor/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor sebagai Pegawai Suluh di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

G [72] Sebagai pendaftar, salah satu tugas SD2 adalah untuk menyaksikan proses tandatangan wakalah. Wakalah ini ada dinyatakan di bawah s. 34 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003. Mengikut sub-s. (1) seksyen tersebut, pelantikan peguam syarie hendaklah dibuat oleh orang yang melantik dan diterima oleh peguam syarie itu di hadapan pegawai mahkamah atau pendaftar. Tugas SD2 adalah untuk mendengar lafaz pelantikan dan penerimaan.

H [73] Mengikut SD2, sebelum proses tandatangan wakalah berlaku, wakalah akan difailkan di mahkamah. Sebelum diterima, proses lantikan akan berlaku. Biasanya peguam bersama anak guam akan hadir ke mahkamah dan terus dipanggil oleh mana-mana pendaftar yang ditauliahkan. Pada masa tersebut, SD2 adalah Pegawai Suluh yang ditauliahkan sebagai Penolong Pendaftar.

I

[74] Selanjutnya, SD2 akan meminta anak guam melafazkan pelantikan. Selepas itu, peguam yang dilantik dan anak guaman akan menandatangani wakalah dalam Borang 5 s. 34. Setiap anak guam yang datang wajib melafazkannya kerana ia adalah suatu proses undang-undang. A

[75] SD2 mengesahkan bahawa wakalah bertarikh 16 Mac 2012 (eksh. P5(F)) telah ditandatangani di hadapannya oleh SP7 dan perayu. B

[76] Semasa SP7 menandatangani dokumen ini, SP7 telah melafazkan pelantikan wakalah ini. Menurut wakalah ini, peguam yang telah dilantik SP7 untuk mewakili beliau di mahkamah adalah perayu. SD2 mengenali perayu sebagai peguam yang berurusan di mahkamah. C

[77] Selepas wakalah ini ditandatangani, satu salinan disimpan di dalam fail mahkamah.

Peruntukan Undang-Undang Yang Berkaitan

[78] Seksyen 405 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut: D
Criminal breach of trust

(i) 405. Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property either solely or jointly with any other person dishonestly misappropriates, or converts to his own use, that property, or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged, or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or wilfully suffers any other person so to do, commits "criminal breach of trust". E

[79] Seksyen 408 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut: F
Criminal breach of trust by clerk or servant

408. Whoever, being a clerk or servant, or employed as a clerk or servant, and being in any manner entrusted in such capacity with property, or with any dominion over property, commits criminal breach of trust in respect of that property, shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than one year and not more than ten years and with whipping, and shall also be liable to fine. G

[80] Seksyen 409B Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut: H
Presumption

409B. (1) Where in any proceeding it is proved –

- (a) for any offence prescribed in sections 403 and 404, that any person had misappropriated any property; or
(b) for any offence prescribed in sections 405, 406, 407, 408 and 409, that any person entrusted with property or with dominion over property had - I

- A (i) misappropriated that property;
- (ii) used or disposed of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged or of any legal contract, 220 Laws of Malaysia ACT express or implied which he had made touching the discharge of such trust;
- B (iii) suffered any person to do any of the acts described in subparagraph (i) or (ii) above,
- it shall be presumed that he had acted dishonestly until the contrary is proved.
- C (2) The presumption under subsection (1) shall apply *mutatis mutandis* to the offences prescribed in sections 109 and 511 of the Code in relation to any of the offences referred to in that section.

Dapatan Hakim Mahkamah Sesyen Di Akhir Kes Pembelaan

- D *Sama Ada Keterangan Pembelaan Yang Mengatakan OKT Bukan Pekerja Di Tetuan Akberdin & Co Pada Masa Material Adalah Dipercayai Dan Menimbulkan Keraguan Munasabah Terhadap Kes Pendakwaan*
- E 38. Menurut SD1 (OKT), beliau telah meletak jawatan dengan mengemukakan surat perletakan jawatan pada 27.2.2012 (eksibit D8) yang akan berkuat kuasa selepas 14 hari tarikh surat ini.
- F 39. Eksibit D8 adalah surat daripada OKT kepada Akberdin & Co bertarikh 27.2.2012 yang diserahkan secara serahan tangan. Surat ini bertajuk "Surat permohonan perletakan jawatan sebagai peguam syarie". Dalam eksibit D8, OKT menyatakan alasan bagi permohonan peletakan jawatannya adalah kerana OKT mahu menubuhkan firma baharu. OKT tetap akan hadir menyelesaikan kerja-kerja tertunggak di Akberdin & Co. Dalam perenggan 4 surat ini OKT meminta kerjasama Akberdin & Co. supaya memberikan maklum balas kepadanya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat ini, jika tiada, OKT menganggap permohonannya meletak jawatan dipersetujui oleh Akberdin & Co.
- G 40. Kewujudan eksibit D8, selain hanya disebut dalam eksibit P3 (dirujuk dalam P3), tidak ada keterangan lain yang menyokong kewujudan eksibit D8. SP1, SP2 dan SP4 tidak mempunyai pengetahuan mengenai D8. Tiada keterangan yang menunjukkan sama ada eksibit D8 ini telah diterima, dipertimbangkan dan diluluskan oleh SP1. Pembelaan juga tidak menjelaskan perkara ini.
- H 41. Kemudian, walaupun telah mengemukakan eksibit D8, OKT masih hadir ke pejabat dan bekerja seperti biasa, sebagaimana keterangan SP4 dan SP2. Tindakan ini berlarutan walaupun selepas 14 hari tarikh sepatutnya surat ini berkuat kuasa iaitu pada 14.3.2012. Tiada keterangan sama ada OKT ada meminta follow-up kepada SP1 berkenaan permohonannya dalam D8 tersebut.
- I

42. Keterangan juga menunjukkan, walaupun eksibit D8 sepatutnya telah berkuatkuasa pada 14.3.2012, dimana sepatutnya OKT telah berhenti daripada bekerja di Akberdin & Co., namun, OKT masih menerima tanggungjawab mengendalikan kes SP7 pada 16.3.2012.

A

43. Walaupun OKT telah menghantar eksibit D8 pada 27.2.2012 tetapi tindakan OKT ini telah menunjukkan D8 tidak mempunyai apa-apa kesan. Oleh itu Mahkamah berpendapat, tindakan OKT ini membuktikan yang OKT masih bekerja dengan firma ini dan eksibit D8 telah tidak dilaksanakan.

B

44. Sebagaimana dinyatakan dalam kes pendakwaan, keterangan SP1 dan SP2 serta eksibit P1(A-L) yang menunjukkan fakta bahawa gaji dan caruman KWSP OKT masih dibayar sehingga 26/3/2012 adalah kekal membuktikan bahawa OKT masih bekerja dengan Akberdin & Co. pada masa yang material. Begitu juga dengan keterangan SP1 dan SP2 yang menjelaskan tentang gaji bulan Mac tidak dibayar kerana OKT tidak datang ke firma dan tidak dapat dihubungi, tidak dicabar oleh OKT. Oleh itu Mahkamah ini berpendapat, OKT, pada masa yang material adalah pekerja Akberdin & Co. Keterangan Pembelaan tidak dapat disandarkan bagi menimbulkan keraguan munasabah terhadap isu ini. Elemen pertama pertuduhan adalah kekal dibuktikan.

C

D

Sama Ada Wakalah Yang Ditandatangani SP7 Dapat Membuktikan Bahawa SP7 Apabila Melantik OKT, Telah Sebenarnya Melantik Irsamuddin Hafiz & Co Dan Bukannya Akberdin & Co, Boleh Dipertimbangkan Bagi Menimbulkan Keraguan Yang Munasabah Terhadap Kes Pendakwaan

E

45. Menurut SD1 (OKT), beliau berjumpa dengan SP7 seminggu sebelum 16.3.2012, iaitu di mana mereka berjumpa di Mahkamah Syariah Shah Alam. Kemudian SP7 telah menandatangani wakalah dahulu sebelum membuat bayaran RM7,000. Namun, keterangan ini tidak disokong oleh mana-mana keterangan dokumentari atau saksi lain.

F

46. SD1 juga menyatakan bahawa semua kertas kausa bagi 3 kes syariah yang dikendalikan OKT untuk SP7 telah difailkan atas nama firma Irsamuddin Hafiz & Co. dan bukannya Akberdin & Co dan SP7 tidak pernah berniat menukar peguam walaupun telah mengetahui bahawa OKT adalah bekerja di firma Irsamuddin Hafiz & Co dan bukannya Akberdin & Co. Bagi isu ini Mahkamah mengambil pendekatan bahawa SP7 adalah layperson yang tidak ada latar belakang undang-undang dan tidak boleh dianggap tahu berkenaan pelantikan seseorang peguam dan firma guaman.

G

H

47. Mahkamah juga mengambil kira bahawa tarikh-tarikh prosiding di Mahkamah Syariah, yang mana OKT mewakili SP7 berlaku selepas kejadian pecah amanah jenayah oleh OKT. Perwakilan OKT bagi SP7 pada 27.3.2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bagi prosiding injunksi faraq, kemudian pada 25.6.2013 di Mahkamah Rendah Syariah K. Selangor dan pada 12.10.2012 di Mahkamah Rendah Syariah Kuantan.

I

A Semua prosiding ini berlaku selepas kejadian pecah amanah pada 16.3.2012. Oleh itu, Mahkamah berpendapat fakta ini tidak relevan terhadap kes pendakwaan kerana masa yang material ialah pada 16.3.2012.

B 48. Mahkamah kembali kepada keterangan SP7 yang selari dengan SP4 di mana SP7 mula-mula datang ke Akberdin & Co pada 18.2.2012 untuk mendapatkan peguam yang boleh mengendalikan kesnya dan berjumpa kali kedua dengan OKT pada 16.3.2012 di Mahkamah Syariah Shah Alam. Keseluruhan keterangan SP7 menunjukkan niatnya adalah untuk melantik Akberdin & Co. Oleh itu, Mahkamah berpendapat, wakalah yang ditandatangani SP7 tidak mengubah niat tersebut walaupun SP7 terus menggunakan khidmat OKT dalam prosiding-prosiding lain selepas 16.3.2012. Justeru, pembayaran wang oleh SP7 kepada OKT pada 16.3.2012 sepatutnya diberikan kepada Akberdin & Co. Fakta yang ditimbulkan oleh pembelaan adalah suatu fikiran semula dan tidak dapat dipertahankan. Oleh itu, isu ini tidak menimbulkan keraguan munasabah dan elemen kedua, iaitu bahawa OKT telah diamanahkan dengan wang RM7,000 dan mempunyai kawalan ke atas wang tersebut, kekal telah dibuktikan.

Sama Ada Pecah Amanah Tidak Berlaku Kerana Wang Yang Dibayar Oleh SP7 Telah Digunakan Oleh OKT Untuk Bayaran Proses Kes SP7 Dan Bukan Untuk Kepentingan Peribadi OKT

E 49. Pembelaan membangkitkan isu bahawa wang yang dibayar oleh SP7 telah digunakan sebagai fi proses Mahkamah dan bukannya untuk kegunaan OKT secara peribadi.

F 50. Sebagai seorang peguam syarie yang masih bekerja dan menerima gaji di firma Akberdin & Co. OKT adalah bertanggungjawab terhadap firmanya, termasuk mengemukakan bayaran wang yang diterimanya daripada anak guam kepada firma. Wang yang dibayar oleh anak guam adalah pembayaran kepada firma, bukan kepada individu peguam. Oleh kerana hanya SP2 saja yang boleh menerima wang masuk dan mengeluarkan resit, maka seharusnya bayaran yang diterima OKT diberikan kepada SP2. Ke mana wang itu digunakan, dalam hal ini adalah tidak relevan, kerana tanggungjawab OKT adalah sebagaimana pekerja kepada majikannya. Apabila OKT gagal menyerahkan wang tersebut kepada firma, Mahkamah berpendapat, pecah amanah telah berlaku. Mahkamah merujuk semula prinsip dalam *Harakrishna Mahatab v. Empero* AIR [1930] (*supra*) di mana, Mahkamah menyatakan, walaupun hanya memegang sementara (*retain*) harta itu juga dianggap telah melakukan pecah amanah jenayah apabila dibuktikan tindakan curang OKT menyalahgunakannya.

H 51. Isu yang dibangkitkan oleh pembelaan ini adalah suatu penafian semata-mata dan tidak bermerit. Oleh itu, elemen ketiga iaitu OKT telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang RM7,000 yang berada dalam kawalannya, kekal telah dibuktikan dan keterangan pembelaan tidak menimbulkan keraguan munasabah. Kesimpulannya, keterangan yang dibangkitkan oleh Pembelaan adalah sekadar penafian semata-mata dan suatu pemikiran semula.

I

52. Memandangkan kesemua elemen dalam pertuduhan telah kekal dibuktikan, maka Mahkamah tidak akan membincangkan isu-isu sampingan yang lain kerana fakta asas pertuduhan telah dibuktikan. Mahkamah mendapati bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Maka dengan ini, Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah terhadap OKT. Oleh itu OKT didapati bersalah dan disabitkan sepertimana pertuduhan dalam kes ini.

A

B

Dapatan Pesuruhjaya Kehakiman Di Akhir Kes Pembelaan

[19] Mahkamah telah meneliti rekod rayuan, alasan penghakiman Hakim Bicara terpelajar dan hujahan pihak-pihak dan mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan Perayu. Saya mendapati Hakim Bicara betul dalam keputusannya bahawa semasa kejadian pecah amanah berlaku, Perayu masih bekerja dengan Tetuan Akberdin & Co dan menolak D8 sebagai keterangan yang kredibel memandangkan surat tersebut bercanggah dengan keterangan saksi-saksi dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan.

C

D

[20] Ini adalah kerana surat D8 hanya disebut dalam P3 dan tidak ada keterangan lain yang menyokong kewujudan D8 sebelum penyerahan P3. Perlu diingat bahawa P3 telah disediakan oleh Perayu sendiri dengan Perayu sendiri merujuk kepada surat bertarikh 27.2.2012. Selain dari keterangan yang datang dari Perayu sendiri, tiada keterangan dan bukti yang menunjukkan penerimaan D8 oleh firma Akberdin & Co.

E

[21] Saya juga mendapati dapatan Hakim Bicara yang mempertikaikan D8 adalah betul berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi iaitu SP4 dan SP2 yang mengatakan bahawa Perayu masih hadir ke pejabat dan bekerja seperti biasa sehingga P3 diserahkan pada 26.3.2012. Tindakan Perayu hadir ke pejabat dan bekerja seperti biasa ini bercanggah dengan perenggan 4 di D8. Perenggan 4 surat itu menyatakan seperti berikut:

F

4. Saya memohon kerjasama pihak tuan untuk memberikan maklum balas kepada saya dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Sekiranya tiada maklum balas daripada Pihak tuan, saya beranggapan permohonan perletakan jawatan ini dipersetujui oleh pihak tuan.

G

[22] Peguam Perayu menghujahkan bahawa 14 hari dari tarikh 27.2.2012 jatuh pada 14.3.2012. Justeru pada tarikh 16.3.2012 Perayu bukan lagi pekerja di firma tersebut. Namun begitu Hakim Bicara menyatakan bahawa tindakan Perayu sendiri yang berlarutan hadir ke firma tersebut walaupun selepas 14 hari dari tarikh sepatutnya surat ini berkuat kuasa, bercanggah dengan surat D8 sendiri. Disamping tindakan Perayu yang terus hadir ke firma walau pun selepas 14.3.2012, tiada keterangan yang menunjukkan Perayu ada membuat tindakan susulan kepada SP1 berkenaan permohonannya dalam D8 tersebut malah Perayu masih menerima tanggungjawab mengendalikan kes SP7 pada 16.3.2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Tindakan Perayu sendiri, menurut

H

I

- A Hakim Bicara, menunjukkan bahawa dia telah mengabaikan surat D8 tersebut. Ini menunjukkan Perayu masih bekerja dengan firma tersebut. Saya mendapati dapatan Hakim Bicara adalah betul berdasarkan fakta yang dikemukakan. Dapatan ini bukan menunjukkan bahawa Hakim terpelajar menerima D8 seperti yang dihujahkan oleh peguam Perayu tetapi dapatannya ini menunjukkan bahawa beliau mempertikaikan kesahihan D8.
- B
- C [23] Hakim Mahkamah Sesyen seterusnya menyatakan bahawa Perayu, pada masa pecah amanah tersebut dilakukan adalah masih pekerja di Tetuan Akberdin berdasarkan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan. Ekshibit-ekshibit itu adalah P1(A-L) yang menunjukkan fakta bahawa gaji dan caruman KWSP Perayu masih dibayar sehingga 26.3.2012 melalui ekshibit P1 (L) iaitu caruman KWSP bertarikh 14.4.2012. Ini membuktikan bahawa Perayu masih bekerja dengan Akberdin & Co. pada masa yang material. Menurut Hakim Bicara, beliau menerima keterangan SP1 dan SP2 yang menjelaskan tentang gaji bulan Mac yang tidak dibayar:
- D Ia adalah kerana Perayu tidak lagi datang ke firma dan tidak dapat dihubungi dan menurut Hakim Bicara, keterangan ini tidak dicabar oleh Perayu. Saya mendapati dapatan Hakim Bicara bahawa pada masa yang material Perayu adalah pekerja Akberdin & Co. adalah berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan, Justeru, saya tidak boleh mengusik dapatan ini.
- E [24] Selepas meneliti keseluruhan Rekod Rayuan, saya mendapati sabitan terhadap Perayu di bawah seksyen 408 Kanun Keseksan adalah selamat dan betul selaras dengan keterangan yang dikemukakan dan rekod yang ada di hadapan Mahkamah serta undang-undang yang terpakai.
- F [25] SP7 sendiri mengatakan beliau ingin melantik peguam Akberdin mengendalikan kesnya dan telah menelefon SP4 untuk menyatakan hasratnya itu. SP4 pula mengarahkan Perayu untuk mengendalikan kes tersebut. Justeru SP7 telah pergi bersama keluarganya ke pejabat firma itu untuk berjumpa dengan Perayu. Oleh kerana SP7 sendiri berhasrat untuk melantik Tetuan Akberdin, beliau berasa hairan mengapa wang RM7000 dibayar kepada Perayu di lobi Mahkamah Syariah dan bukan kepada Tetuan Akberdin di pejabatnya. Dia juga berasa hairan mengapa resit bayaran tidak dikeluarkan oleh Tetuan Akberdin tetapi oleh firma pihak ketiga. Itu menyebabkan SP7 menelefon SP4 untuk menyatakan ketidakpuashatinya dan mendapatkan klarifikasi berkenaan perkara itu.
- G [26] Wang RM7000 memang jelas telah dibayar oleh SP7 kepada Perayu. SP4 ada memarahi Perayu dan mengarahkan wang itu dibayar kembali kepada Tetuan Akberdin, tetapi Perayu tegar untuk tidak mengembalikan wang tersebut. Apa yang Perayu lakukan adalah meletakkan jawatan secara serta merta melalui surat P3. Perayu pula tidak boleh dihubungi selepas meletakkan jawatan. Kandungan surat P3 dan tindak tanduk Perayu sendiri menunjukkan niat curang Perayu untuk menggunakan wang tersebut untuk kegunaan sendiri.
- H
- I

Prinsip Undang-Undang Berkaitan Dapatan Fakta Di Peringkat Rayuan A

[81] Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] CLJU 52; [1969] 1 LNS 52; [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

An appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

 B

[82] Di dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; [2005] 2 MLRA 590, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

 C

Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case – or indeed any case – to make its own findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial Court. The reason is obvious. An appellate Court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial Court.

 D

[83] Di dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236; [2009] 3 MLJ 151, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Tun Zaki Tun Azmi KHN (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

[29] It is an established principle of law that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.

 E

[30] In *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 5 CLJ 1 this court held:

 F

The approach to be taken by an appellate court when dealing with a trial court's assessment of credibility of witness is well-established by high authorities. The credibility of a witness is primarily for the trial judge. An appellate court should always be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge who had audio-visual advantage of the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

 G**Kuasa Mahkamah Di Peringkat Rayuan Untuk Menyemak Dan Menilai Semula Kesemua Keterangan** H

[84] Di dalam kes *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Zulkefli Makinudin HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

[20] As regards the first main ground of appeal raised by the appellant, I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in a position to do so in the present case even though

 I

- A the grounds of decision of the trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings and with no reasons for the findings. In a case involving purely a question of fact, the Court of Appeal is free to determine whether or not the various findings of the trial Court are correct. (See *Mohamed Mokhtar v. PP* [1972] 1 MLJ 122). In the present case even though the Court of Appeal took the view that the High Court
- B judgment was of no assistance, it nevertheless had considered and subjected all the evidence adduced by the prosecution to a critical re-examination. The Court of Appeal had given sound reasons as to why the evidence was admitted and how it had implicated the appellant. There was no miscarriage of justice against the appellant as the Court of
- C Appeal's decision was based on evidence adduced from the witnesses called by the prosecution as appearing in the appeal records. I am therefore of the view that the Court of Appeal did not err on this issue.

Ringkasan Petisyen Rayuan Tertuduh

- D (i) tiada kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu kerana perayu tidak lagi menjadi pekerja atau ejen kepada Akberdin & Co bermula 14 Mac 2012 (lihat surat permohonan peletakan jawatan perayu bertarikh 27 Februari kepada Akberdin & Co bertarikh 27 Februari 2012 (eksh. D8));
- E (ii) tiada keterangan dokumentar seperti baucar pembayaran gaji perayu bagi bulan Mac 2012 yang menunjukkan bahawa perayu adalah pekerja di Akberdin & Co khusus pada tarikh 16 Mac 2012. Salinan baucar pembayaran gaji perayu hanyalah setakat bulan Februari 2012 sahaja. Tiada hubungan agensi dan majikan di antara perayu dan SP1 pada masa material kejadian;
- F (iii) fakta bahawa pembayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada bulan Mac 2012 adalah bagi gaji bulan Februari 2012 dan bukannya bagi gaji Mac 2012;
- G (iv) tiada sebarang surat lantikan dan/atau perjanjian perkhidmatan di antara perayu dan Akberdin & Co yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa;
- (v) SP2 bersetuju bahawa tiada bayaran gaji yang telah dilakukan oleh Akberdin & Co kepada perayu bagi bulan Mac 2012;
- H (vi) ekshibit P1(A) iaitu Sijil Amalan Guaman Syarie perayu yang dikeluarkan pada 31 Januari 2012 menyatakan alamat firma perayu adalah di rumah perayu sendiri dan bukannya di firma Akberdin & Co dan eksh. P1(B) iaitu Sijil Amalan Tahunan Peguam Syarie yang mempunyai alamat Akberdin & Co adalah bagi tahun 2011 sahaja;
- I (vii) tiada apa-apa bukti yang dikemukakan bahawa SP7 benar-benar merupakan pelanggan kepada Akberdin & Co kerana tiada fail kes SP7 di dalam buku pendaftaran Akberdin & Co;

- (viii) tiada elemen pembayaran RM7,000 adalah atas dasar amanah kepada perayu daripada Akberdin & Co; A
- (ix) SP7 telah menandatangani wakalah untuk melantik perayu daripada firma Irsamuddin Hafiz & Co. Oleh itu, wang sejumlah RM7,000 tersebut tidak dibayar kepada perayu untuk dipegang sebagai amanah bagi pihak Akberdin & Co; B
- (x) SP7 telah melantik perayu untuk mewakilinya dalam dua kes yang lain selepas daripada kes ini yang telah pun diselesaikan sehingga tamat oleh perayu tanpa penglibatan firma Akberdin & Co;
- (xi) SP3 mengesahkan bahawa SP7 adalah merupakan klien kepada firma Irsamuddin Hafiz & Co. SP3 dan SP9 mengakui firma Irsamuddin Hafiz & Co telah menerima wang sejumlah RM7,000 tersebut, telah mengeluarkan resit dan juga menolak sebahagian daripada wang RM7,000 tersebut untuk pembayaran pengurusan pejabat; C
- (xii) SP10 mengakui bahawa wang RM7,000 tersebut tidak perlu diserahkan kepada Akberdin & Co kerana SP7 bukannya klien kepada Akberdin & Co; dan D
- (xiii) Pesuruhjaya Kehakiman juga telah terkhilaf bila menolak keseluruhan keterangan pembelaan. Pembelaan telah menimbulkan keraguan munasabah bersandarkan keterangan lanjut seperti yang berikut: E
- (a) bahawa Akberdin & Co tidak pernah membuka fail berkenaan SP7 dan tidak melakukan apa-apa kerja lanjut berkenaan kes SP7;
- (b) perayu telah memaklumkan kepada SP7 bahawa perayu telah meletakkan jawatannya di firma Akberdin & Co pada 27 Februari 2012 namun SP7 masih memilih untuk melantik perayu untuk mewakilinya; F
- (c) tiada sebarang surat cara bagi kes SP7 yang difailkan di Mahkamah Syariah oleh Tetuan Akberdin & Co bagi membuktikan SP7 adalah klien Akberdin & Co; G
- (d) tiada sebarang surat bantahan yang telah dihantar kepada perayu dan/atau Tetuan Irsamuddin & Co bagi membantah pelantikan perayu dan/atau untuk perayu terus mewakili SP7; dan H
- (e) perayu telah mengemukakan satu salinan penyata akaun yang menunjukkan bahawa perayu tidak lagi menerima sebarang gaji daripada Tetuan Akberdin & Co selepas bulan Februari 2012.

Dapatan Kami

[85] Kami akan menyelami dan mengupas setiap satu isu-isu utama yang diketengahkan oleh kedua-dua pihak seperti yang berikut. I

A *Sama Ada Perayu Merupakan Seorang Peguam Syarie/Pekerja Yang Beramal Di Tetuan Akberdin & Co Semasa Tarikh Kejadian Pada 16 Mac 2012*

[86] Menyentuh mengenai isu ini perlu ditekankan bahawa jika sekalipun tiada sebarang perjanjian atau kontrak yang mengikat secara undang-undang terhadap seseorang pekerja namun jika pekerja itu melaksanakan tugasnya seperti yang diamanahkan atau menerima gaji atau imbuhan daripada akaun majikannya dan menyelewangkan harta majikannya, maka pekerja tersebut masih boleh disabitkan terhadap kesalahan pecah amanah jenayah walaupun majikan tersebut tidak mempunyai hak milik yang sah terhadap harta tersebut.

C [87] Sehubungan dengan itu, di dalam kes *Rex v. Salim Ja'amat* [1938] CLJU 91; [1938] 1 LNS 91, Mahkamah Tinggi melalui penghakiman Horne J memutuskan seperti yang berikut:

D When a person is charged with criminal dishonesty as a servant, *eg*, theft, criminal misappropriation, criminal breach of trust, it must be shown that the accused was a servant, and even if there is no legally binding contract upon the servant yet so long as he performs the duties requested he will come under the category of a servant. Further, if a servant receives property on his employers' account and embezzles it he may be convicted though his employers had no legal title to the property.

E [88] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami ini, peguam perayu yang bijaksana menghujahkan bahawa perayu bukan merupakan peguam syarie atau pekerja yang beramal di Tetuan Akberdin & Co semasa tarikh kejadian iaitu 16 Mac 2012 berpaksikan kepada keterangan-keterangan berikut:

F (i) perayu telah meletak jawatan dari bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co melalui sepucuk surat permohonan peletakan jawatan bertarikh 27 Februari 2012 (eksh. D8). Berdasarkan eksh. D8, tarikh akhir perayu beramal sebagai peguam syarie di Tetuan Akberdin & Co adalah pada 13 Mac 2012 iaitu sebelum pecah amanah jenayah dikatakan berlaku;

G (ii) perayu tidak lagi menerima gaji daripada Tetuan Akberdin & Co mulai bulan Mac 2012. SP2 iaitu kerani akaun di pejabat Akberdin & Co telah mengesahkan bahawa gaji terakhir yang dibayar kepada perayu hanya setakat bulan Februari 2012 dan perayu tidak lagi dicarumkan KWSP pada Mac 2012;

H (iii) tiada sebarang surat lantikan dan/atau perjanjian perkhidmatan yang dibuat di antara perayu dengan Tetuan Akberdin & Co bagi membuktikan bahawa perayu adalah pekerja yang dibayar gaji oleh Tetuan Akberdin & Co khususnya pada tarikh kejadian iaitu pada 16 Mac 2012;

I

(iv) ekshibit P1(A) iaitu Sijil Amalan Guaman Syarie perayu yang dikeluarkan pada 31 Januari 2012 menyatakan alamat firma perayu adalah di rumahnya sendiri dan bukannya di firma Tetuan Akberdin & Co; dan A

(v) ekshibit P1(B) iaitu Sijil Amalan Tahunan Peguam Syarie yang mengandungi alamat Tetuan Akberdin & Co pula adalah bagi tahun 2011 sahaja sedangkan dakwaan kejadian pecah amanah dikatakan berlaku pada 16 Mac 2012. B

[89] Di sebaliknya pula, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa perayu adalah peguam syarie Tetuan Akberdin & Co pada 16 Mac 2012. Ini adalah bersandarkan kepada eksh. D11 kandungan 9 Rekod Rayuan Jilid 4(1) di ms 112 di mana perayu sendiri telah mengakui bahawa dia telah berhenti bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co selepas 25 Mac 2012. Kandungan di dalam eksh. D11 dipetik: C

J: Ya, Saya sudah berhenti bekerja dengan firma Tetuan Akberdin & Co. D

S: Bilakah kamu berhenti kerja dengan firma Akberdin & Co?

J: Lebih kurang pada 25/3 atau 25/4 tahun 2012.

S: Kenapakah kamu berhenti kerja? E

J: Saya ingin membuka firma sendiri.

S: Adakah kamu ada memberikan notis berhenti kerja kepada Akberdin & Co.?

J: Ya, Ada. Saya memberikan notis dalam bentuk surat sebulan sebelum saya berhenti secara rasmi. F

S: Adakah kamu mengenali penama nama Fazilah Binti Mohd Ariff dan Siti Robain?

J: Ya, saya kenal

S: Bagaimana kamu boleh mengenali kedua-dua penama tersebut? G

J: Kedua-dua penama merupakan klien saya untuk kes syariah.
(penekanan ditambah)

[90] Selain itu, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana juga menghujahkan bahawa dakwaan perayu yang mengatakan telah meletakkan jawatan di Tetuan Akberdin & Co pada 27 Februari 2012 dan tarikh terakhir perayu bekerja di firma tersebut adalah pada Mac 2012 dengan bersandarkan kepada eksh. D8 yang menyatakan bahawa tarikh 13 Mac 2012 adalah hari terakhir perayu bekerja di firma tersebut adalah tidak berasas sama sekali berdasarkan kepada alasan-alasan yang berikut: H

I

- A (i) ekshibit D8 disediakan oleh perayu sendiri. Selain dari keterangan perayu, tiada keterangan sokongan lain yang dapat membuktikan bahawa surat tersebut telah diserahkan kepada mana-mana kakitangan atau pegawai firma Tetuan Akberdin & Co;
- B (ii) SP1, SP2 dan SP4 telah mengesahkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai eksh. D8 ini. Kewujudan eksh. D8 amat diragui; dan
- (iii) mengikut SP2 dan SP4, pada 16 Mac 2012 sehingga 26 Mac 2012, perayu masih hadir seperti biasa di pejabat Tetuan Akberdin & Co sehingga 26 Mac 2012.

C [91] Persoalan yang berlegar di minda kami adalah jika benar perayu tidak lagi bekerja di Tetuan Akberdin & Co selepas 14 Mac 2012 sepertimana dakwaan perayu, mengapa perlunya perayu menyerahkan sekali lagi surat peletakan jawatannya bertarikh 26 Mac 2012 (eksh. P3) yang diletakkannya di atas meja SP1 pada tarikh yang sama. Mengikut SP4 selepas perayu meletakkan surat tersebut, perayu terus keluar dari pejabat.

D [92] Jika diteliti sepintas lalu, perbuatan perayu menyerahkan sebanyak dua kali surat peletakan jawatannya melalui eksh. D8 dan P3 ini kelihatan ganjil dan seperti tidak masuk akal. Justeru itu, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan hanya satu inferens sahaja yang boleh dibuat daripada tindakan perayu ini iaitu perayu sebenarnya masih lagi bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co sehinggalah perayu secara rasminya melepaskan jawatannya pada 26 Mac 2012 melalui eksh. P3. Malah Timbalan Pendakwa Raya juga menghujahkan bahawa tiada sebarang penjelasan yang diberikan oleh perayu mengapa perayu mengemukakan dua surat peletakan jawatannya.

E [93] Persoalannya, benarkah perkara ini tidak dijawab atau tidak diberikan penjelasan oleh tertuduh? Mari sama-sama kita melihat kembali kandungan eksh. D8 bertarikh 27 Februari 2012 yang dibuat oleh perayu yang dipaparkan di bawah ini:

G Per: Surat Permohonan Kebenaran Perletakan Jawatan Sebagai Peguam Syarie

- H 1. Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.
2. Untuk makluman pihak tuan, saya dengan rendah diri dan berat hati *memohon untuk meletakkan jawatan sebagai Peguam Syarie di firma ini*. Tujuan saya meletakkan jawatan kerana saya berhasrat untuk menubuhkan firma baharu. *Walau apa pun, saya akan hadir di pejabat tuan bagi menghabiskan kerja-kerja dan/atau tugas-tugas saya*.
- I 3. Saya amat berterima kasih di atas segala tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak tuan sepanjang saya bekerja di sini.

4. *Saya memohon kerjasama pihak tuan untuk memberikan maklum balas kepada saya dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Sekiranya tiada maklum balas daripada pihak tuan, saya beranggapan permohonan perletakan jawatan ini dipersetujui oleh pihak tuan.* Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan adalah dihargai dan saya ucapkan jutaan terima kasih.

A

(penekanan ditambah)

B

[94] Berdasarkan isi kandungan eksh. D8 bertarikh 27 Februari 2012 di atas jelas terserlah bahawa tujuan perayu mengemukakan dan menghantar surat ini adalah untuk memohon kebenaran daripada SP1 untuk perayu meletak jawatannya sebagai peguam syarie di firma Tetuan Akberdin & Co dan sekiranya tiada sebarang maklum balas yang diterimanya selepas 14 hari, perayu dianggap dan disifatkan telah berhenti kerja di firma Tetuan Akberdin & Co pada 13 Mac 2012. Berdasarkan keterangan, tiada apa-apa jawapan balas yang diterima oleh perayu daripada firma tersebut sebelum dan selepas tamat tempoh 14 hari tersebut. Oleh itu, mengapa perayu kembali semula ke firma tersebut selepas 13 Mac 2012? Jawapan pada persoalan ini telah dijawab oleh perayu di para. 2 eksh. D8 iaitu:

C

D

Walau apa pun, saya akan hadir di pejabat tuan bagi menghabiskan kerja-kerja dan/atau tugas-tugas saya.

[95] Di atas rasa tanggungjawab untuk menyelesaikan baki tugas yang masih ada itulah yang menyebabkan perayu masih dilihat oleh SP2 dan SP4 berada di pejabat bagi menyelesaikan segala urusan kerjanya yang masih tertunggak. Tiada tempoh masa yang diberikan oleh perayu di dalam eksh. D8 iaitu tempoh baki tugas tersebut boleh diselesaikan. Oleh itu, tidak hairanlah jika SP4 mengatakan bahawa dari tempoh 16 Mac 2012 hingga 26 Mac 2012 (lebih kurang sepuluh hari) perayu masih masuk bekerja di firma Tetuan Akberdin & Co.

E

F

[96] Hanya pada 27 Mac 2012 sahaja perayu melalui eksh. P3 yang disediakannya dan diserahkan kepada firma berkenaan telah dengan rasminya meninggalkan firma tersebut dan tidak lagi kembali ke pejabat lamanya itu. Sebagai pencerahan isi kandungan eksh. P3 bertarikh 26 Mac 2012 dirujuk kembali.

G

Muhammad Hafiz bin Ab Rashid
No. 32, Jalan SP 1/1,
Seri Pristana, Saujana Utama,
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.
26hb Mac 2012.

H

Tetuan Akberdin & Co
No. AAG/6, Blok D, Tingkat Bawah,
Jalan Plumbum AA7/ AA, Pusat Komersial Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

I

A Serahan Tangan

Tuan,

Per: Perletakan Jawatan Sebagai Peguam Syarie

- B 1. Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Permohonan Kebenaran Perletakan Jawatan Sebagai Peguam Syarie bertarikh 27hb Februari 2012 ('surat tersebut') adalah berkaitan.
- C 2. Berturutan dengan kandungan surat tersebut, dengan ini saya meletak jawatan sebagai Peguam Syarie di firma ini berkuatkuasa serta-merta. Alasan-alasan perletakan jawatan ini adalah sepertimana yang telah dinyatakan di dalam surat tersebut. Saya berharap agar pihak tuan dapat memahami situasi saya. *Lebih-lebih lagi, saya terpaksa mengambil keputusan ini memandangkan pihak tuan tidak memberi pertimbangan ke atas permohonan saya untuk meletak jawatan melalui surat tersebut.*
- D 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini saya sertakan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan perhatian pihak tuan:-
- (a) Diari kes-kes syariah bagi tahun 2012; dan
- (b) Sesalinan status kes syariah.
- E 4. Saya juga kembalikan kunci kawalan jauh (remote control) dan kad kehadiran untuk tujuan serahan kepada pihak tuan.
5. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan adalah dihargai dan saya ucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

F Muhammad Hafiz bin Ab Rashid

(penekanan ditambah)

G [97] Peletakan jawatan perayu pada bulan Februari 2012 tersebut melalui surat eksh. D8 juga adalah selaras dengan keterangan SP2 kerani akaun di Tetuan Akberdin & Co sendiri yang mengesahkan bahawa gaji terakhir yang dibayarkan kepada perayu adalah pada Februari 2012. SP2 juga bersetuju bahawa mengikut dokumen eksh. P1, tiada bukti gaji yang dibayar kepada perayu pada bulan Mac 2012. Dokumen-dokumen di eksh. P1 jelas menunjukkan bahawa bayaran gaji terakhir yang dibuat kepada perayu hanya setakat bulan Februari 2012 sahaja. Malah, tiada keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak pendakwa seperti baucar bayaran gaji perayu ataupun penyata akaun firma Akberdin & Co bagi bulan Mac 2012 yang dapat menunjukkan bahawa perayu masih dibayar gaji bagi bulan Mac 2012.

I

[98] Menyentuh mengenai pertemuan perayu dengan SP7 di bilik SP1 sebelum 16 Mac 2012, perayu di dalam keterangannya mengatakan SP7 hadir di firma Tetuan Akberdin & Co hanya untuk mendapatkan khidmat nasihatnya dan bukannya bertujuan untuk melantik Tetuan Akberdin & Co sebagai peguam syariahnya.

A

[99] Pada hemat kami, keterangan perayu ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja tanpa diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Ini adalah kerana ia adalah konsisten dengan wakalah yang ditandatangani oleh SP7 (eksh. P5(F)) di Mahkamah Syariah Shah Alam pada 16 Mac 2012. Wakalah tersebut secara jelas tercatat nama firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates. Ini diperkuatkan lagi dengan keterangan SD2 iaitu Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang juga turut mengesahkan bahawa wakalah tersebut yang dibuat di atas nama firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates telah ditandatangani di hadapannya oleh SP7 dan perayu. Dengan itu, pada hemat kami tidak wujud sebarang kesamaran, keaburan, kekeliruan atau ketidakfahaman di pihak SP7 tentang persetujuannya untuk melantik firma tersebut bagi mewakili dirinya.

B

C

D

[100] Mengikut SD2 lagi, selain daripada SP7 menandatangani dokumen wakalah tersebut, SP7 juga telah melafazkan pelantikan wakalah ini dan melantik perayu untuk mewakilinya di Mahkamah Syariah.

[101] Pada hari yang sama juga, lebih kurang jam 3 petang, perayu melalui Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates telah mengeluarkan dua resit rasmi No. 0712 dan 0713 (eksh. P4(A) & P4(B)) bagi pembayaran wang berjumlah RM7,000 yang dibuat oleh SP7 kepada perayu. Semasa perayu menyerahkan kedua-dua resit tersebut, SP7 juga telah menurunkan tandatangannya pada kedua-dua resit itu sebagai tanda pengesahan penerimaan resit yang diterimanya. Pada hari yang sama juga, Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates melalui perayu telah mendaftarkan kes permohonan injunksi faraq nikah dan surat cara-surat cara kes tersebut. Sekali lagi SP7 menurunkan tandatangannya meskipun pada kedua-dua resit tersebut tertera dengan jelas dan terang nama firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates.

E

F

G

[102] Persoalannya, adakah SP7 masih terkeliru dan tidak menyedari lagi kehadiran firma ini untuk kali yang keduanya. Pada hemat kami, SP7 sememangnya menyedari tentang pelantikan ini dan jawapan yang diberikan oleh SP7 untuk menafikannya sukar untuk dipercayai. Kebolehterimaan keterangannya dan kredibilitinya amat diragui.

H

[103] Selanjutnya pada hemat kami juga, wakalah (eksh. P5) yang ditandatangani oleh SP7, perayu dan SD2 merupakan suatu dokumen kontrak yang termeterai di antara SP7 dan perayu. Kontrak yang ditandatangani ini mengikat kesemua pihak-pihak yang menandatangani. Dengan itu, wakalah tersebut tergolong di dalam skop ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

I

A Section 91

When the terms of a contract or of a grant or any other disposition of property have been reduced by or by consent of the parties to the form of a document, and in all cases in which any matter is required by law to be reduced to the form of a document, no evidence shall be given in proof of the terms of the contract, grant or other disposition of property or of the matter except the document itself, or secondary evidence of its contents in cases in which secondary evidence is admissible under the provisions hereinbefore contained.

B

Section 92

C

When the terms of any such contract, grant or other disposition of property, or any matter required by law to be reduced to the form of a document, have been proved according to section 91, no evidence of any oral agreement or statement shall be admitted as between the parties to any such instrument or their representative in interest for the purpose of contradicting, varying, adding to, or subtracting from its terms.

D

[104] Pada hemat kami, untuk SP7 pula mengatakan bahawa beliau masih menandatangani wakalah tersebut meskipun terdapat nama Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates kerana SP7 telah pun membuat pembayaran sebanyak RM7,000 adalah suatu alasan yang remeh dan sukar diterima. Tambahan lagi, tiada sesiapa pun yang memaksa SP7 untuk menandatangani dokumen-dokumen tersebut. Ia dibuat di atas kerelaan hati SP7 sendiri tanpa paksaan oleh perayu. Oleh kerana tidak wujud apa-apa desakan, salah faham atau kekeliruan di pihak SP7 semasa menandatangani dokumen-dokumen ini, maka kerana itulah SP7 tidak membuat laporan polis untuk mengaitkan perayu dengan kesalahan pecah amanah ini. Bagi menjelaskan tentang perkara ini, elok jika kita menyingkap kembali keterangan SP7.

E

F

[105] Semasa sesi pemeriksaan utama (kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) ms. 102, SP7 mengatakan seperti berikut:

TPR: Masa kamu tanda tangan adakah kamu baca?

G

SP7: Ada.

TPR: Bacakan wakalah itu.

SP7: (Saksi SP7 baca wakalah m/s 6).

TPR: Siapa yang kamu lantik?

H

SP7: Hafiz. Kalau dari wakalah dari tetuan Irsamuddin.

TPR: Kenapa kamu masih tanda tangan walaupun ada nama Irsamuddin?

SP7: Sebab saya sudah membuat pembayaran.

I

TPR: Kenapa kamu tak minta ubah atau tukar. Jelaskan?

SP7: Bagi saya jumlah RM7000.00 adalah banyak jadi saya teruskan juga.

[106] Selanjutnya semasa sesi pemeriksaan balas, SP7 (kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) ms. 111) mengatakan seperti berikut: A

Peguambela: Saya cadangkan kepada kamu tidak ada langsung paksaan dari Hafiz untuk kamu tandatangan wakalah tersebut?

SP7: Setuju. B

[107] Tambahan lagi, jika wujud unsur-unsur pemerdayaan di pihak perayu terhadap SP7 untuk menandatangani wakalah tersebut, sudah tentu SP7 akan segera bertindak untuk menamatkan dan/atau membatalkan wakalah tersebut atau mengambil tindakan terhadap perayu sepertimana yang telah dinasihatkan oleh SP4 kepadanya. Namun begitu, yang ganjilnya tiada pula apa-apa tindakan undang-undang susulan yang diambil oleh SP7 terhadap perayu. Pada hemat kami, SP7 tidak berani berbuat demikian kerana SP7 di dalam keterangannya telah membuat pengakuan bahawa dia tidak pernah mengatakan bahawa dia mahu melantik Tetuan Akberdin & Co dan tidak mahu perayu sebagai peguam syarienya. Ini diakui sendiri oleh SP7 di dalam keterangannya semasa sesi pemeriksaan balas (kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3 (1) ms. 106 dan 109) apabila SP7 mengatakan seperti yang berikut: C

Peguambela: Ada Puan Farah minta kamu buat apa-apa tindakan terhadap Hafiz bila kamu maklumkan berkenaan resit tersebut? D

SP7: Ya ada. E

Peguambela: Apa yang kamu buat?

SP7: Puan Farah suruh saya ambil tindakan atas perbuatan Hafiz tersebut.

Peguambela: Kamu tidak ambil apa-apa tindakan? F

SP7: Setuju.

Peguambela: Kamu dapat perintah injuksi seperti yang dipohon?

SP7: Ya.

...

Peguambela: Setuju dengan saya bahawa kamu tidak pernah kata "saya mahu Akberdin dan tak mahu kamu?" G

SP7: Setuju.

Peguambela: Kamu juga tidak pernah cakap kepada Hafiz "saya nak terminate kamu dan nak lantik Akberdin?" H

SP7: Setuju. (penekanan ditambah)

[108] SP7 juga tidak pernah membuat sebarang laporan polis terhadap perayu. Ini disahkan oleh SP10 semasa sesi pemeriksaan balas di kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) di ms. 181 bila SP10 mengatakan seperti yang berikut: I

- A Peguambela: Ada tak Siti Robaan buat report polis terhadap Muhammad Hafiz setelah tahu Muhammad Hafiz tak baca wakalah bagi pihak wakili firma Akberdin?
SP10: Tiada.
- B Peguambela: Ada tak kamu nasihatkan dia untuk buat report polis?
SP10: Ada.
Peguambela: Dia ikut nasihat kamu?
SP10: Tidak.
- C **[109]** Berdasarkan keterangan di atas, sudah terang lagi bersuluh bahawa tingkah laku SP7 jelas menunjukkan niatnya untuk melantik perayu sebagai peguam syariahnya walaupun setelah SP7 mengetahui dan menyedari bahawa SP7 tidak akan diwakili oleh firma Tetuan Akberdin & Co. Setelah menandatangani wakalah tersebut dengan penuh kerelaan dan kesedaran bahawa perayu tidak mewakili firma Tetuan Akberdin & Co tetapi di
- D sebaliknya perayu mewakili Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates, SP7 tidak boleh lagi berdolak-dalik dengan memberi alasan yang tidak munasabah bahawa semasa kejadian iaitu pada 16 Mac 2012, SP7 sebenarnya hendak melantik Tetuan Akberdin & Co sahaja untuk mewakili beliau dalam kes-kes syariahnya di Mahkamah Syariah dan bukannya firma yang lain dan
- E apabila SP7 mendapati pada resit-resit pembayaran wang (eksh. P4(A) dan P4(B)) ada tercatat nama firma lain iaitu Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates, SP7 telah terkejut, tidak berpuas hati dan merasa dirinya telah ditipu oleh perayu. Selanjutnya, SP7 mengatakan pula bahawa dia tidak mempunyai apa-apa pilihan lagi selain dari terpaksa juga untuk
- F meneruskannya walaupun dirinya telah diperdaya oleh perayu kerana SP7 telah pun membayar RM7,000 kepada perayu.
- [110]** Pada hemat kami, alasan yang diberikan oleh SP7 ini adalah suatu yang amat sukar untuk dipercayai. Setelah wakalah ini ditandatangani, tiada lagi keterangan lisan yang boleh diberikan oleh SP7 untuk menyangkal,
- G mengubah, menambah atau mengurangkan terma atau kandungan di dalam dokumen kontrak wakalah yang ditandatangani dan dipersetujuinya itu kerana ia telah mengikat kesemua pihak-pihak yang terlibat.
- [111]** Dapatan yang kami buat ini adalah berpaksikan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ah Mee v. PP* [1967] CLJU 3; [1967] 1 LNS 3 di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Ong Hock Thye HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:
- I Section 91 of the Evidence Ordinance applies equally to criminal trials, no less than to civil proceedings, and it categorically states that “in all cases in which any matter is required by law to be reduced to the form of a document, no evidence shall be given in proof of the terms ... of such matter except the document itself. The report was information relating to

the commission of an offence which “shall be reduced to writing” pursuant to s. 107 of the Criminal Procedure Code (Cap. 6), and s. 92 of the Evidence Ordinance goes on to exclude all parole evidence seeking to contradict or vary what was set out in writing”.

A

[112] Tambahan lagi, tiada sebarang keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa SP7 merupakan pelanggan kepada SP1. Perkara ini turut disahkan sendiri oleh SP1 seperti yang terdapat di dalam kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) di ms. 43 di mana SP1 semasa sesi pemeriksaan balas mengatakan seperti yang berikut:

B

S: Peguambela: Siti Robaan tidak pernah hantar surat lantikan kepada firma Akberdin untuk melantik firma Akberdin mewakilinya?

C

J: SP1: Ya setuju.

S: Peguambela: Siti Robaan juga tidak pernah membaca wakalah bagi melantik firma tetuan Akberdin untuk mewakili beliau di Mahkamah Syariah?

D

J: SP1: Setuju.

[113] Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana juga telah gagal untuk mengambil kira bahawa tiada fail kes SP7 di dalam buku pendaftaran kes firma Akberdin & Co. Tiada juga sebarang bukti persetujuan mengenai fi guaman di antara firma Akberdin & Co dan SP7 sepertimana yang dinyatakan oleh SP1 sebagai prosedur standard firma dan hal ini meniadakan elemen pembayaran RM7,000 adalah atas dasar amanah daripada firma Akberdin & Co kepada perayu.

E

[114] SP7 juga sedar dan mempunyai pengetahuan penuh berkenaan wakalah di atas nama perayu daripada firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates. Oleh itu, wang sejumlah RM7,000 tersebut tidak dibayar kepada perayu sebagai pelanggan untuk dipegang oleh perayu dan sebagai amanah bagi pihak firma Akberdin & Co.

F

G

[115] SP3 telah memberikan keterangan dan mengesahkan bahawa SP7 adalah merupakan klien kepada firma Irsamuddin Hafiz & Associates. SP3 dan SP9 juga telah mengakui bahawa firma Irsamuddin Hafiz & Associates telah menerima wang berjumlah RM7,000 tersebut dan telah mengeluarkan resit serta menolak sebahagian daripada wang RM7,000 tersebut untuk pembayaran pengurusan pejabat.

H

[116] SP10 juga turut mengakui bahawa wang RM7,000 tersebut tidak perlu diserahkan kepada firma Akberdin & Co kerana SP7 bukanlah klien kepada Akberdin & Co.

I

- A [117] Oleh kerana tidak wujud sebarang kontrak secara bertulis atau pun tersirat khususnya pada 16 Mac 2012 yang termeterai di antara SP7 dengan Tetuan Akberdin & Co dan ditambah lagi dengan kewujudan surat permohonan peletakan jawatan perayu bertarikh 27 Februari 2012 (eksh. D8), maka pada hemat kami, tarikh akhir perayu beramal sebagai
- B peguam syarie di Tetuan Akberdin & Co adalah pada 13 Mac 2012 iaitu sebelum kesalahan pecah amanah jenayah dikatakan berlaku. Justeru itu, tiada keraguan lagi diminda kami bahawa pada 16 Mac 2012, perayu bukan lagi merupakan pekerja kepada Tetuan Akberdin & Co.
- C *Sama Ada Perayu Telah Diamanahkan Untuk Menerima Wang Tunai Berjumlah RM7,000 Bagi Pihak Tetuan Akberdin & Co Pada 16 Mac 2012*
- D [118] Seperti yang telah kami putuskan di atas, perayu bukan merupakan pekerja firma Tetuan Akberdin & Co pada 16 Mac 2012. Malah tiada juga keterangan kukuh yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menunjukkan bahawa SP7 benar-benar merupakan klien kepada firma tersebut.
- E [119] Maka dengan itu, wang yang dibayar oleh SP7 kepada perayu sebanyak RM7,000 tersebut bukan merupakan harta atau kepunyaan firma Akberdin & Co. Dengan itu, penghujahan Timbalan Pendakwa Raya yang mengatakan bahawa perayu telah dengan curangnya melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta berbentuk wang tunai berjumlah RM7,000 yang diterima oleh perayu daripada SP7 bagi pihak Tetuan Akberdin & Co adalah tidak berasas sama sekali kerana pada tarikh tersebut perayu tidak lagi bekerja di Tetuan Akberdin & Co dan wang tersebut bukan merupakan harta atau milik Tetuan Akberdin & Co. Wang tersebut pada hakikatnya
- F merupakan bayaran guaman secara terus daripada SP7 sebagai klien kepada perayu dan/atau firma Irsamuddin Hafiz & Associates.
- G [120] Wakalah (eksh. P5(F)) yang ditandatangani sendiri oleh SP7 adalah keterangan kukuh yang membuktikan bahawa SP7 telah melantik Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates untuk mewakilinya dan bukannya firma Tetuan Akberdin & Co di mana fakta penting ini gagal sama sekali diambil kira oleh Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana.
- H [121] Fakta penting ini diperkuatkan lagi apabila selepas daripada kejadian kes ini, SP7 seterusnya telah bertindak pula melantik perayu untuk mewakilinya di dalam dua kes syariah yang berlainan di mana ia telah pun diselesaikan oleh perayu sehingga tamat tanpa penglibatan firma Tetuan Akberdin & Co.
- I [122] Pada hemat kami, seandainya SP7 tidak berpuas hati dan merasa tertipu dengan insiden pertama yang berlaku pada 16 Mac 2012 tersebut, sudah pasti SP7 tidak akan lagi melantik perayu untuk mewakilinya bagi kes-kes syariah yang lain. Namun begitu, ini tidak berlaku. Di sebaliknya, SP7

masih lagi mengambil perayu sebagai peguam syarienya untuk kes-kesnya yang lain. Jika diperhalusi keseluruhan tingkah laku SP7 sebelum dan selepas wakalah (eksh. P5(F)) ini ditandatangani, jelas membuktikan bahawa wang yang diberikan oleh SP7 dan diterima oleh perayu adalah untuk khidmat guaman yang berikan oleh Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates melalui perayu. Justeru itu, wang yang diterima oleh perayu bukanlah suatu amanah yang dipegangnya bagi pihak firma Tetuan Akberdin & Co tetapi di sebaliknya ia adalah untuk Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates.

[123] SP9 yang juga merupakan rakan kongsi di firma Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates juga telah mengakui bahawa eksh. P4(A) dan P4(B) adalah dua resit asal yang dikeluarkan oleh Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates atas bayaran yang diterima daripada SP7. SP9 di dalam keterangannya di kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) di ms. 161 semasa sesi pemeriksaan balas menjelaskan seperti berikut:

S: Rujuk saksi eksibit P4(A) dan P4(B). Lihat kedua-dua resit tersebut. Setuju resit ini adalah resit asal yang dikeluarkan oleh tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc.

J: Setuju.

S: Resit rasmi yang dikeluarkan oleh tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc.

J: Setuju.

S: Setuju resit ini dikeluarkan atas bayaran yang diterima oleh individu bernama Siti Robaan Shafie.

J: Setuju.

S: Setuju Siti Robaan adalah anak guam tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc.

J: Betul.

S: Setuju jumlah yang diterima keseluruhan adalah RM7K sahaja. Betul.

J: Betul.

S: Setuju bayaran sebanyak RM7K tersebut diterima bagi tujuan bayaran permohonan pendaftaran nikah dan permohonan injuksi.

J: RM5K untuk bayaran injuksi farak nikah dan RM2K untuk deposit bagi permohonan pendaftaran nikah.

S: Setuju wang RM7K ini diterima oleh OKT on behalf tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc.

J: Setuju.

S: Setuju fail kepada individu Siti Robaan dikendalikan oleh OKT.

- A J: Betul.
S: Siti Robaan adalah anak guam tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc tapi peguam yang kendalikan ialah OKT.
J: Betul berdasarkan dokumen ini.
- B S: Setuju tak duit RM7K ini ada diserahkan kepada ofis untuk tujuan expenses office.
J: Pada masa itu. Betul.
S: Selepas tolak expenses ofis selebihnya ofis bagi kepada OKT.
- C J: Betul. Ofis ambil sedikit sahaja.
S: Setuju Siti Robaan ada meneruskan perkhidmatan dengan tetuan Irsamudin Hafiz dan Assoc untuk kes-kes lain.
J: Seingat saya ada.
- D [124] Selanjutnya, SP10 (pegawai penyiasat) juga turut mengakui bahawa berdasarkan wakalah, wang RM7,000 yang diterima oleh Tetuan Irsamuddin Hafiz & Associates tersebut tidak perlu diserahkan kepada firma Akberdin & Co kerana SP7 bukannya klien kepada Tetuan Akberdin & Co. SP10 di dalam keterangannya di kandungan 7 Rekod Rayuan Jilid 3(1) di ms. 171 mengatakan seperti yang berikut:
- E S: Setuju dengan saya berdasarkan wakalah ini, Siti Robaan bukan client Akberdin tapi client kepada Irsamudin Hafiz & Assoc, berdasarkan wakalah?
J: Berdasarkan wakalah saya setuju.
- F S: Jadi kerana berdasarkan wakalah ini, kamu setuju sebab itu wang RM7k yang konon dikutip oleh Hafiz, tidak diserahkan kepada Tetuan Akberdin kerana Siti Robaan adalah client kepada Tetuan Irsamuddin. Setuju?
J: Berdasarkan wakalah saya setuju.
- G [125] Bersandarkan kepada keterangan-keterangan yang diperincikan di atas, jelas terserlah tidak wujud elemen “amanah” yang dipikul oleh perayu bagi pihak Tetuan Akberdin & Co.
Sama Ada Perayu Telah Melakukan Pecah Amanah Jenayah Terhadap Wang Berjumlah RM7,000 Tersebut
- H [126] Kami tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berkaitan isu ini. Kami juga mendapati tiada keperluan untuk mengupas secara mendalam keterangan kes pembelaan. Memadailah sekadar kami mengatakan bahawa oleh kerana elemen “entrustment” atau “dominion over the property” di bawah s. 408 Kanun Keseksaan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan, maka kesalahan pecah amanah jenayah yang dikatakan dilakukan oleh perayu telah dengan sendirinya runtuh dan berkubur di peringkat pendakwaan lagi.
- I

Kesimpulan

[127] Sebelum melabuh tirai penghakiman ini, kami ingin memetik kata-kata mutiara yang diungkapkan oleh Gopal Sri Ram HMR (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389; [2005] 5 MLJ 409 mengenai tugas dan tanggungjawab mahkamah di peringkat rayuan di dalam mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah bila beliau mengatakan seperti yang berikut:

[12] Unlike civil appeals, where the appellant carries the burden of showing that the judge at first instance went wrong, *in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right. The correct approach is therefore not whether the decision is wrong but whether the conviction is safe.* See *Mohammad Husain v. Emperor* AIR 1945 Nag 441; *Zahari bin Yeop Baai v. Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 160. (penekanan ditambah)

[128] Berpaut teguh pada panduan indah yang dilafazkan di dalam kes di atas, dan setelah kami meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan dan pembelaan, kami mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Di sebaliknya pula, pihak pembelaan bukan sahaja telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan malah, ia juga telah berjaya mematahkan anggapan kecurangan (dishonesty) yang berbangkit mengikut s. 409B Kanun Keseksaan.

[129] Sehubungan dengan itu, kami sebulat suara mendapati terdapat merit di dalam rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman bagi mewajarkan kami campur tangan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Temyata sabitan yang direkodkan itu adalah tidak selamat untuk dikekalkan.

[130] Rayuan perayu dibenarkan. Perintah sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen dan kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Tinggi diketepikan.

[131] Perayu dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan yang dibuat terhadap dirinya.

A

B

C

D

E

F

G

H

I